

17/10/1999

Sultan Brunei lawat Taman Wetland

PUTRAJAYA: Sultan Hassanal Bolkiah yang ditemani Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa kira-kira 30 minit mengunjungi Taman Wetland di sini, semalam sambil menikmati panorama sekitar melalui menara pandang jauh dengan ketinggian 18 meter.

Terdahulu, Perdana Menteri dan Sultan Brunei yang dalam rangka lawatan kerja selama empat hari, mengadakan pertemuan empat mata di pejabatnya di sini selama kira-kira dua jam.

Dari pejabatnya itu, Dr Mahathir memandu sendiri kereta pacuan empat roda Pajero bersama Sultan Brunei untuk ke Wetland, kira-kira empat kilometer dari situ.

Kedua-dua ketua negara itu kemudian menaiki anak tangga ke menara pandang jauh yang menjadi mercu tanda taman yang menyediakan habitat pelbagai spesies akuatik serta unggas air itu.

Selepas itu, Dr Mahathir sekali lagi memandu sendiri Pajero untuk membawa Sultan Hassanal mengelilingi kawasan sekitar Taman Wetland yang mempunyai denai merentas hutan.

Taman itu menempatkan 32 spesies buahan nadir, 32 spesies pokok hutan, 48 spesies tanaman hutan pelbagai kegunaan untuk ubatan dan 45 spesies tanaman renek selain menyediakan kemudahan seperti pusat penghayatan alam.

Taman Wetland dan kawasan sekitarnya, adalah kawasan tadahan air yang memainkan peranan penting dalam mengawal keseimbangan ekosistem alam semula jadi.

Ia berfungsi sebagai penapis semula jadi bagi air yang terkumpul di tasik serta membantu proses pengawalan banjir.

Hadir sama Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak selaku Menteri Pengiring; Penasihat Khas di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Brunei, Pehin Awang Isa merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Duta Brunei ke Malaysia, Pengiran Mohd Yusuf; dan Duta Malaysia ke Brunei, Wan Yusof Embong.

Lawatan ke Taman Wetland itu, diikuti dengan majlis makan tengah hari kedua-dua pemimpin di hotel Palace of Golden Horses di Seri Kembangan.

Petang semalam, Sultan Hassanal yang tiba di sini kelmarin menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara.

Malam tadi, Sultan Brunei menghadiri jamuan makan malam bersama Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dan hari ini pula dijangka turut menyaksikan perlumbaan kereta Grand Prix Formula 1 Malaysia Petronas di Litar F1, Sepang.

(END)